

Makna dan Nilai Seni Kraf Buluh dalam Kehidupan Sosiobudaya Multi Etnik Di Sarawak

Mohd. Zaihidee Arshad
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kajian kraf buluh ini dijalankan dalam masyarakat etnik Iban, Melanau dan Bidayuh yang tinggal di rumah panjang dalam Bahagian Kuching di Sarawak, bertujuan untuk melihat dan mentafsir bagaimana kraf buluh itu memberi makna dalam kehidupan seharian. Pendekatan multi disiplin digunakan dalam kerangka Teori Seni Susanne Langer.

Kata kunci kraf buluh, makna, nilai.

Abstract

This study on the craft of bamboo has been conducted in the Iban, Melanau and Bidayuh communities living in the long houses in the Kuching Section in Sarawak, with the aim of interpreting how the undertaking has provided meaning in their daily lives. Multi-disciplinary approach has been adopted, discussed within the framework of the Art Theory of Susanne Langer.

Key words bamboo craft, meaning, value.

PENGENALAN

Kraf buluh merupakan suatu ciptaan bentuk simbolik perasaan etnik yang menciptanya. Ia lahir daripada pemikiran logik dan rasional tentang sesuatu bahan yang diperlukan dalam kehidupan seharian yang menyampaikan makna yang bersifat konseptual atau yang bercorak abstrak (Hassan Ahmad, 2003). Ciptaan awal kraf tersebut kepada generasi terawal adalah untuk kegunaan semata-mata. Aspek kegunaan berlaku berulang kali yang membawa kepada kesedaran mengguna yang mempunyai makna dan nilai seni disebaliknya. Kraf yang dihasilkan melalui proses ubah suai dan pembaikan apabila nilai penggunaan mencapai titik optima. Makna dan nilai seni

mengambil tempat dalam kraf buluh yang dihasilkan. Bentuk kraf yang dibuat itu walaupun diterima secara warisan, tetapi tetap mempengaruhi pemikiran dan tindakan seni pembuatnya.

Nilai ekspresi wujud secara tidak disedari kerana reka bentuk kraf yang dihasilkan berlaku melalui proses peniruan warisan. Tetapi, nilai seni yang menyentuh perasaan wujud semasa proses anyaman dilakukan. Kriteria ini menentukan makna dan nilai seni kraf yang dihasilkan. Nilai itu menunjukkan nilai peribadi pembuat yang menjadi simbol yang membezakan antara seorang pembuat kraf dengan pembuat kraf yang lain, walaupun pada dasarnya wujud daripada reka bentuk dan saiz yang sama.

Mereka menggunakan 'gerak hati' yang dikaitkan dengan keterbukaan minda melalui pengalaman dan kepercayaan beragama dalam kehidupan seharian. Kraf buluh yang dihasilkan menjadi alat visual yang dilambangkan sebagai suatu rekaan, dibentuk, dilihat, diguna dalam imaginasi minda melalui tanggapan dan interaksi dengan alam mereka. Keadaan ini dikaitkan dengan sifat etnik yang kreatif, rasional dan bijaksana. Berlaku proses akulturisasi iaitu proses penerimaan, penolakan dan penyaringan nilai budaya dan kepercayaan antara penduduk pribumi dengan unsur luar, namun identiti etnik-etnik dalam budaya rumah panjang tidak hilang. Struktur asas sosiobudaya tidak luput dan terus kekal sebagai acuan untuk memperkaya budaya pemikiran dan tingkah laku etnik tersebut.


Seni Kraf Buluh Multi Etnik Di Sarawak

Kraf buluh yang wujud lama secara warisan, tidak ditinggalkan atau diubah. Faktor utamanya terletak pada sifat keterbukaan minda etnik-etnik tersebut terhadap persekitaran geografi yang banyak dengan sumber buluh, pembuat kraf menyesuaikan diri dengan kewujudan bahan buluh tersebut. Generasi lama etnik Iban, Melanau dan Bidayuh tidak menolak unsur budaya asing yang dianggap sesuai dengan kepercayaan mereka, misalnya kepercayaan animisme tentang pantang larang dan penunggu yang menjadi serasi dengan kepercayaan kerana penerimaan dan penyerapan berlaku tanpa paksaan. Ada makna dan nilai seni dalam kraf buluh yang wujud dan membentuk simbol untuk menyatakan sesuatu yang lahir daripada minda terhadap subjek dan dikonsepskan oleh masyarakat pembuatnya sebagai objek sehingga simbol yang wujud bukan merujuk kepada benda tetapi konsepnya (Langer, 1957).

Konsep keperibadian dalam kraf buluh etnik-etnik ini jelas terpancar apabila pembuatnya mengenali kraf hasil 'air tangan'nya. Ini berlaku kerana proses membuat kraf itu menunjukkan sifat *craftmanship* yang tinggi, memiliki fungsi gunaan dan memiliki keindahan (Soedarso, 1999). Konsep 'air tangan' menunjukkan berlakunya konsep keperibadian dalam diri pembuat kraf yang bertindak balas terhadap naluri seni mereka. Konsep ini dapat dianalisis melalui aspek formalistik yang dizahirkan dalam kraf buluh yang dihasilkan.

Analisis garisan pada sebuah kraf buluh dikesan melalui garisan menegak dan melintang mahupun pepenjuru yang ditampakkan secara sedar daripada bilah buluh yang sama saiznya dengan ketebalan yang sama (Rajah 12.1). Di samping itu tekstur buluh yang terbentuk secara semula jadi itu memaparkan jalur-jalur garisan yang halus tersusun rapi. Walaupun garisan yang wujud itu tidak dinilai secara khusus, tetapi

logiknya garisan itu diintegrasikan melalui deria penglihatan secara yang tidak disadari. Nilai garisan tidak diungkapkan dengan kata-kata tetapi direalisasikan dengan tindakan deria mata yang mencuit pemikiran dan disusuli dengan tindakan tangan yang mempunyai deria sentuh. Inilah simbolisme yang tersembunyi dalam nilai seni pembuat kraf etnik-etnik Iban, Melanau dan Bidayuh di Sarawak.





Rajah 12.1 Makna dan Nilai Seni (Garisan) dalam Kraf Buluh.

Nilai garisan kasar dan halus menyokong antara satu sama lain dalam membentuk dan mengukuhkan reka bentuk (Rajah 12.1). Tidak akan terbentuk reka bentuk yang dikehendaki jika garisan halus yang dibentuk itu tidak samukur iaitu mempunyai saiz dan ketebalan yang sama. Kekuatan pembentukan garisan itu dikesan melalui kemahiran pengamatan yang dibantu oleh kemahiran psikomotor. Kedua-dua kemahiran itu wujud melalui pengalaman dan amalan yang diwarisi secara tidak formal dalam institusi keluarga.


Garisan lurus daripada bilah-bilah buluh dianyam mengikut kelarai tertentu. Garisan lurus mengalami proses jalinan yang sekata secara sistematik daripada peringkat awal sebagai tapak sehinggalah membentuk reka bentuk pemedang yang dikehendaki. Nilai jalinan memainkan peranan penting dalam menghasilkan pemedang yang berkualiti. Kualiti terletak kepada nilai jalinan yang kemas. Asasnya terletak kepada kekuatan garisan yang dihasilkan daripada proses penyediaan bahan iaitu buluh. Proses jalinan menjadi mudah apabila buluh yang sesuai dan baik digunakan. Gabungan garisan, jalinan dan bahan menjadi faktor penentu kepada pembentukan seni yang baik. Secara praktikal menunjukkan pengalaman membentuk pengetahuan seni dalam menghasilkan kraf buluh. Pengetahuan seni itu wujud secara tersembunyi yang tidak dapat dijelaskan dengan ungkapan kata-kata oleh pembuatnya, sebaliknya dibuktikan melalui kraf buluh yang dihasilkan. Nilai jalinan yang menggambarkan erti dalam kehidupan bermasyarakat yang tidak keterlaluan dan tidak membangga diri.

Di samping garisan, aspek warna memainkan peranan penting apabila buluh untuk kegunaan seharian mengalami transformasi menjadi nilai kraf yang di dalamnya ada nilai seni. Warna kraf buluh dihasilkan dengan menggunakan bahan pewarna, pewarnaan disesuaikan dengan kegunaannya dalam kalangan remaja dan kanak-kanak. Warna yang biasa digunakan ialah merah daripada bahan pewarna (Rajah

12.3b). Walaupun mereka sedar bahan pewarna yang digunakan dalam kraf tidak dapat kekal lama berbanding dengan warna semula jadi buluh tetapi kerja membuat 'tabung buluh' diteruskan kerana mendapat permintaan yang baik dan memiliki nilai seni yang tersendiri.



Rajah 12.2 Garisan lurus menegak dan melintang yang membentuk corak anyaman.



(a)



(b)



(c)

Rajah 12.3 Warna dalam Kraf Buluh.

Kebanyakan pembuat kraf menggunakan warna semula jadi buluh untuk menampakkan kesan warna pada kraf. Keinginan menggunakan warna dijemakan dengan kesan tampak daripada pohon buluh yang berbeza tetapi tetap daripada buluh yang sama jenisnya. Terbentuklah warna coklat yang pelbagai ton yang diselang-seli dengan warna hijau daripada kulit buluh yang digunakan (Rajah 12.3a dan 3c). Penggunaan bahan pewarna menjejaskan warna yang wujud secara semula jadi pada bilah-bilah buluh itu. Pewarna yang digunakan akan luntur tetapi warna semula jadi buluh akan kekal. Mereka sedar penggunaan warna pada keseluruhan kraf yang dihasilkan itu akan mengubah sifat semula jadi buluh yang menjejaskan nilai kraf. Penggunaan warna sangat terhad sehingga menghasilkan kraf buluh yang hampir sama daripada segi nilai warnanya.

Pewarnaan semula jadi daripada buluh yang digunakan membentuk konsep keseimbangan daripada segi penggunaan warna. Warna kraf buluh terbentuk secara harmoni dalam skema warna semula jadi buluh iaitu ton kekuningan, di dalamnya ada warna kuning kehijauan dan kuning coklat. Kualiti warna itu ditentukan oleh kualiti buluh yang digunakan. Aspek itu dikesan berlaku melalui pengalaman, yang memberi pengetahuan dan kemahiran dalam menentukan kualiti buluh yang digunakan. Prinsip keseimbangan warna dalam kraf buluh yang dihasilkan dapat diperhatikan dalam tiga keadaan warna reka bentuk 'tabung buluh' iaitu (i) dengan warna semula jadi buluh, (ii) kulit hijau buluh diselang seli dengan warna semula jadi buluh yang dibuang kulitnya, dan (iii) merah pewarna yang diselang seli dengan warna semula jadi buluh. Keseimbangan warna boleh didapati dalam dua keadaan warna iaitu (i) warna semula jadi isi buluh dan (ii) kulit hijau buluh diselang seli dengan warna semula jadi buluh. Pemilihan warna dilakukan melalui keseimbangan warna yang disesuaikan dengan reka bentuk dan selaraskan dengan fungsinya. Keseimbangan warna yang digunakan tidak menonjolkan kesan warna yang nyata kerana warna telah membantu membentuk simbol minda dan watak mereka berlaku secara seimbang.

Makna dan nilai seni dalam aspek reka bentuk menunjukkan minda dan tindakan masyarakat pembuatnya tidak terkeluar daripada konsep keseimbangan. Konsep itu menjadi pegangan dalam hidup bermasyarakat sehingga reka bentuk kraf yang dihasilkan wujud dalam bentuk yang seimbang (Rajah 12.4). Reka bentuk yang seimbang dikaitkan dengan penggunaan yang seimbang sesuai dengan tahap penggunaan ke atas bahan buluh tersebut. Dalam reka bentuk seperti yang terdapat pada (Rajah 12.4a) penggunaan konvensional masih wujud sebagai alat untuk mengisi hasil pertanian dalam etnik di Sarawak, tetapi reka bentuk (Rajah 12.4b dan 4c)) mengalami perubahan yang disesuaikan untuk kehendak etnik di luar perkampungan mereka. Reka bentuk itu digunakan dalam konteks semasa. Reka bentuk alat untuk kegunaan mengalami proses transformasi alat dengan nilai seni sebagai hiasan.



Rajah 12.4(a) Prinsip Keseimbangan Dalam Kraf Buluh.



Rajah 12.4(b) Prinsip Keseimbangan Dalam Kraf Buluh.


Reka bentuk yang seimbang dikaitkan dengan penggunaan yang seimbang sesuai dengan tahap penggunaan ke atas bahan buluh tersebut. Dalam reka bentuk seperti yang terdapat pada (Rajah 12.4a) penggunaan konvensional masih wujud sebagai alatan untuk mengisi hasil pertanian dalam etnik di Sarawak, tetapi reka bentuk (Rajah 12.4a dan 4b) mengalami perubahan yang disesuaikan untuk kehendak etnik di luar perkampungan mereka. Reka bentuk itu digunakan dalam konteks semasa. Reka bentuk alatan untuk kegunaan mengalami proses transformasi alatan dengan nilai seni sebagai hiasan.

Reka bentuk bakul mengalami perubahan dari segi kegunaan dan kesenian yang impaknya meningkatkan nilai kraf tersebut. Konsep kepada reka bentuk menghubungkan pembuat dengan kehendak biologi iaitu perasaan (Langer, 1969). Reka bentuk bakul yang dihasilkan, walaupun asas kepada reka bentuk itu diwarisi, tetapi tetap mendominasi pemikiran dan tindakan mereka. Di dalamnya ada bentuk perasaan yang wujud secara metaforik yang meletakkan nilai seni daripada kraf buluh yang dihasilkan itu sebagai tanggungjawab masyarakat pengguna untuk mencorakkannya.

Tanpa disedari mereka telah menggunakan unsur-unsur rekaan seni dalam kraf yang dihasilkan iaitu garisan, jalinan, rupa, bentuk, warna dan ruang. Garisan itu wujud melalui bilah-bilah buluh, jalinan terbentuk apabila proses anyaman kelarai berlaku, rupa dan bentuk diwujudkan, warna daripada bilah buluh dapat dikesan, ruang berfungsi apabila kraf itu digunakan, semuanya bersatu secara kesatuan dalam reka bentuk tersebut. Reka bentuk kraf buluh itu tidak bergantung kepada unsur rekaan sahaja, sebaliknya perlu disokong dengan prinsip rekaan. Prinsip keseimbangan digunakan dalam kraf buluh etnik Iban, Melanau dan Bidayuh di Sarawak dan dapat dikesan daripada reka bentuk, corak kelarai, kesan warna, saiz dan fungsinya. Prinsip itu dapat dinilai dengan menggunakan deria tampak dan deria sentuh yang disokong dengan gerak hati. Keseimbangan yang wujud bukan sahaja dapat dinilai secara tampak tetapi secara simboliknya mempunyai perhubungan dalam kehidupan. Prinsip dan konsep keseimbangan itu membentuk makna dan nilai seni dalam kehidupan yang menjadi simbol pemikiran dan tindakan dalam budaya membuat kraf buluh di perkampungan mereka.

Pengertian isipadu dalam kraf buluh yang dibuat dikaitkan dengan reka bentuk, saiz, kapasiti dan berat yang dibebankan terhadap kraf tersebut. Ia berpadu mencapai tahap keseimbangan daripada segi visual, fizikal, emosi dan perasaan pembuatnya. Ruang bahagian dalam kraf itu tidak wujud secara kosong, sebaliknya menunjukkan ada kandungan dan beratnya yang dijana dalam minda mereka. Malahan kraf bakul itu menjadi simbol kepada ukuran berat objek yang diisi di dalamnya. Berlaku hubungan antara pengguna dengan ruang lingkungannya. Dalam hubungan itu secara tidak langsung bakul yang wujud itu dikonsepskan dengan kehendak tubuh untuk bergerak dalam kegiatan mereka. Kesannya memberi keselesaan dalam penggunaan. Kraf anyaman buluh menjadi sinonim dalam kehidupan masyarakat pertanian di rumah panjang yang membentuk simbolismanya tersendiri, simbol warisan seni yang mempunyai unsur metafora individu dan kelompok etnik setempat.

Unsur metafora menjadi sistem kognitif atau cara mereka berfikir apabila bakul buluh yang dibuat diberi nama atau makna yang dimiliki oleh benda lain.² Contohnya bakul buluh yang dibuat itu diberi nama seperti 'bakul tambok', 'bakul rejang' dan 'bakul padi'. Nama bakul itu dikaitkan dengan objek atau makna lain dan mempunyai hubungan dengan manusia. Bentuk pemikiran secara metaforik ada hubungannya dengan simbolisme yang wujud dalam melahirkan idea yang abstrak atau yang bersifat konseptual dalam pembuatan kraf tersebut. Nilai seni, idea atau fikirannya yang abstrak cukup halus dan bijaksana, tidak kasar supaya tidak menimbulkan kemarahan orang lain yang melihat atau mentafsirnya. kraf buluh yang dihasilkan adalah 'adab' yang terbentuk daripada cara berkomunikasi dan cara hidup bermasyarakat yang diwarisi dalam keluarga.



Rajah 12.5 'Projection Mappings' dalam proses membuat kraf buluh
(Sumber: ubah suai daripada Fauconnier, G. *Mapping in Thought and Language*, Cambridge, U.K.: Cambridge University Press. 1997, hlm.8-10).

Kaedah yang digunakan dalam pembuatan kraf buluh menunjukkan ada nilai seni yang tinggi dan halus dalam minda dan tindakan mereka. Seni tidak terasing daripada kehidupan. Kriteria itu menentukan dalam minda mereka mempunyai suatu sistem

pemikiran yang berteraskan formula metafora yang mengandungi domain sasaran dan domain sumber. Dalam proses pemindahan daripada domain sumber kepada domain sasaran berlaku '*projection mappings*' (Rajah 12.5) yang merupakan proses kognitif atau pemikiran berlaku dalam minda apabila berfikir secara metaforik (Fauconnier, 1997). Dalam pembuatan kraf buluh berlaku '*projection mappings*' apabila buluh sebagai sumber menjadi bakul buluh untuk sasaran kegunaan dalam masyarakat tersebut dan dalam konteks hari ini, ia tersebar luas ke seluruh masyarakat luar. Nilai seni berintegrasi dengan nilai kehidupan yang lain dalam kesatuan yang padu.

Analisis nilai seni terhadap pemikiran secara metaforik dalam kraf buluh didapati konsep keindahan dapat memenuhi kehendak seni etnik setempat apabila mereka dapat menghasilkan kraf buluh, walaupun seni yang wujud itu secara warisan. Kehendak kepada keindahan memerlukan kesatuan antara sumber iaitu buluh dengan sasaran iaitu manusia. Minda etnik tersebut ada unsur bijak, kreatif dan rasional yang mampu melahirkan idea yang abstrak atau yang bersifat konseptual. Mereka dapat berfikir secara analogi, buluh dan manusia mempunyai sifat dan ciri yang berbeza tetapi dimetaforikkan bekerjasama untuk memenuhi nilai keindahan seperti 'aur dengan tebing'. Mereka dapat berfikir secara simbolik atau melalui perlambangan kerana itulah cara yang sesuai untuk menyampaikan sesuatu idea atau perasaan yang tidak nampak dengan secara beradab. Inilah pola kebudayaan yang terbentuk secara eksplisit dan implisit tentang perilaku dan disebarluaskan membentuk prestasi kelompok dan artifak yang menjadi simbol dalam kehidupan (Kroeber & Kluckhohn dalam Chris Jenks, 2013). Realiti itu menjelaskan pembuatan kraf buluh etnik Iban, Melanau dan Bidayuh tidak terasing daripada aspek kehidupan antara teori, amalan dan kepercayaan yang ada rupa, bentuk dan jiwa.

Penutup

Analisis daripada makna dan nilai seni kraf buluh dalam kehidupan multi etnik di Sarawak mendapati setiap kumpulan etnik memberi makna tertentu kepada objek, tingkah laku dan emosi yang membentuk pemikiran dan fungsi sosial kehidupan mereka. '*Material culture*' terbentuk apabila budaya tersebut dibangunkan daripada kelompok etnik yang membuat adaptasi daripada persekitaran, kehendak kepada ekonomi dan penggunaan teknologi. Artifak daripada kraf buluh yang dihasilkan membentuk '*social culture*' yang bertujuan untuk mengekalkan fungsi sosial etnik tertentu. Keadaan ini melibatkan semua institusi sosial dan aturan hidup yang diwarisi. Seterusnya '*subjective culture*' terbentuk melalui sistem makna dalam kehidupan yang melibatkan kepercayaan, nilai dan gagasan yang dikongsi bersama.

Ketiga-tiga budaya ini telah membentuk pengetahuan secara kolektif. Dalam skop yang lebih luas ia melibatkan cara berfikir, perasaan dan hubungan dengan orang lain. Pengetahuan itu meliputi bagaimana cara untuk memahami bagi mencapai tahap pengalaman dalam realiti kehidupan. Kefahaman ini menunjukkan bagaimana individu dalam sesuatu etnik berkolaborasi, membina dan menguruskan realiti yang dikongsi bersama.

Nota

- ¹ Temu bual dengan pembuat kraf buluh etnik Bidayuh di Rumah Panjang Annah Rais, Borneo Heights, Kuching.
- ² Interpretasi daripada kertas kerja Hassan Hj. Ahmad, Menggali Kembali Pemikiran Melayu. *Kertas Kerja Simposium Jati Diri Melayu* 2003, hlm. 8 (tidak diterbitkan).

Bibliografi

- Boas, F. (1955). *Primitive Art*. New York: Drover.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1992). *Qualitative Research For Education (2nd Ed.)*, Boston: Allyn Bacon.
- Jenks C. (2013). *Culture: Studi Kebudayaan*. Edisi Kedua. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Dewey, J. (1958). *Experience and Nature*. New York: Dover Publication Inc.
- Dewey, J. (1980). *Art as Experience*. New York: G. P. Putnam's and Sons.
- Fauconnier, G. (1997). *Mapping in Thought and Language*. Cambridge, U.K: Cambridge University Press.
- Hassan Ahmad. (2003). Menggali Kembali Pemikiran Melayu. *Kertas Kerja Simposium Jati Diri Melayu*, (tidak diterbitkan).
- Langer, S. K. (1957). *Problem of Art*: New York Charles Scribner's Sons.
- Langer, S. K. (1967). *Feeling and Form*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Langer, S. K. (1969). *Philosophy in a New Key. Study in the Symbolism of Reason, Rite and Art*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Parsons, T. (1951). *The Social System*. London: Routledge & Keegan Paul.
- Soedarso Sp. (1999) Seni Kriya: Cabang Seni yang Gelisah. *Jurnal Pengetahuan dan Penciptaan Seni*, VII/01.